

"WAHA! orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan). Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingat Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Maidah, ayat 90-91.

BERANGKAT MENYAKSIKAN PIALA FA MALAYSIA

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Ahad, 20 September. - DPMM FC terpaksa berpuas hati dengan keputusan seri 3 - 3 menentang Kuala Lumpur City FC dalam aksi suku akhir pertama Piala FA Malaysia Musim 2026 / 2027 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berkesan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrul bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke perlawanan suku akhir pertama Piala FA Malaysia Musim 2026 / 2027, antara DPMM FC dan Kuala Lumpur City FC. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

>> Muka 3

Kesedaran, pengesanan awal penting tangani demensia

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 September. - Demensia merupakan salah satu cabaran kesihatan awam yang terbesar yang boleh menjejaskan daya ingatan, pemikiran, komunikasi, tingkah laku dan keupayaan seseorang untuk menjalani aktiviti harian.

Walaupun risiko demensia meningkat seiring dengan pertambahan usia, demensia bukanlah proses penuaan yang normal. Kesan demensia bukan sahaja dirasai oleh individu yang mengalaminya, tetapi turut memberi kesan kepada ahli keluarga, penjaga, masyarakat serta sistem kesihatan dan penjagaan sosial.

>> Muka 5

84 pelajar NBD melanjutkan pengajian di Republik Arab Mesir

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Ahad, 20 September. - Seramai 84 pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) bakal melakar langkah baharu dalam perjalanan akademik apabila melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Al-Azhar dan Ma'ahad Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir bagi Sesi Pengajian 2026 / 2027.

Para pelajar berkenaan akan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang pengajian Islam, termasuk Syariah Islamiyyah, Lughah Arabiyyah, Usuluddin serta Takhassus Al-Quran Wal Qiraat.

Daripada jumlah tersebut, seorang pelajar

merupakan penerima Skim Biasiswa Sultan's Scholar, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, manakala dua orang menerima Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan dan 16 orang menerima Skim Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI). Sementara itu, seramai 65 pelajar mengikuti pengajian secara persendirian.

>> Muka 5

Bacaan Yaa Siin, Tahlil sempena Hari Guru Ke-36

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan, hari ini, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena dengan Sambutan Hari Guru Kali Ke-36, Tahun 2026 di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis keagamaan tersebut khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum

Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitaibruni.gov.bn

Berita Utama



PENDIDIKAN agama proses
membentuk manusia

Muka 6



JPMC ketengahkan NBD sebagai
destinasi penjagaan kesihatan

Muka 9



PRODUK tempatan diketengahkan
dalam suasana santai dan interaktif

Muka 10



JIWA usahawan muda menghargai
jasa guru

Muka 20

Brunei-Sarawak perluas kerjasama ekonomi melalui perdagangan, pelaburan dan pelancongan

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini sempena Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026. Program ini bukan sahaja menjadi platform untuk memperkukuh hubungan persaudaraan, kerjasama serta persefahaman antara rakyat Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, malah berperanan sebagai platform strategik untuk mempromosikan produk dan warisan budaya.

Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas kepada Sarawak Trade and Tourism Office Brunei (STATOB), Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' atas kejayaan cemerlang penganjuran Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026 kali ini. Sesungguhnya, kejayaan penganjuran program pada kali ini melalui kerjasama strategik ketiga-tiga entiti ini mencerminkan komitmen tinggi kesemua pihak dalam memperkasakan hubungan dua hala kedua-dua negara melalui perdagangan, pelancongan, kebudayaan dan pembangunan komuniti.

Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei - Sarawak 2026 merupakan salah satu platform penting melalui kerjasama erat

antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak dalam usaha memperkukuh hubungan kekeluargaan, persahabatan, memperkasa pertukaran budaya serta merancakkan kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Saya dimaklumkan bahawa penyertaan dalam program pada tahun ini meningkat kepada 116 pengusaha berbanding hanya 39 pengusaha pada tahun lalu. Tahniat atas pencapaian yang amat membanggakan ini. Peningkatan tersebut membuktikan keyakinan komuniti perniagaan terhadap program ini sebagai platform untuk membuka peluang pasaran baharu dan mengukuhkan kerjasama ekonomi antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

Perkembangan ini selari dengan prestasi hubungan perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak yang terus menunjukkan momentum positif. Ini menunjukkan potensi besar kerjasama ekonomi yang boleh terus diperkasakan melalui perdagangan, pelaburan dan pembangunan perusahaan tempatan.

Program hari ini juga merupakan kesinambungan kepada penyertaan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dan syarikat tempatan dalam Borneo International Halal Showcase yang baru berlangsung di Sarawak. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan dalam membantu PMKS tempatan memperluaskan pasaran eksport, meningkatkan daya saing serta menembusi pasaran serantau, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Sejak pengusaha Negara Brunei Darussalam mula mengeksport pelbagai

produk agrikulturan, termasuk produk berasaskan daging ke Sarawak pada tahun 2023, prestasi eksport terus menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Justeru, saya berharap PMKS tempatan memanfaatkan platform ini untuk membina rangkaian perniagaan serta menjalin kerjasama dengan pembeli dan pengedar berpotensi dari Sarawak.

Kedudukan geografi Sarawak dan Negara Brunei Darussalam yang saling bersempadan merupakan satu kelebihan strategik. Dengan memanfaatkannya secara optimum, saya yakin kita mampu membangunkan ekosistem kerjasama rentas sempadan yang lebih dinamik dan saling menguntungkan demi kemakmuran bersama.

Berkait dengan sektor agrikulturan dan agenda sekuriti makanan, saya melihat terdapat potensi yang amat besar untuk memperkukuh kerjasama pelaburan dalam pelbagai industri, antaranya komoditi tanaman (padi), ternakan (seperti penternakan lembu) dan kelapa sawit (Crude Palm Oil - CPO), yang kukuh serta mampan.

Pendekatan ini bukan sahaja berpotensi mewujudkan rantai nilai industri yang lebih bersepadu antara Sarawak dan Negara Brunei Darussalam, malah mampu meningkatkan nilai tambah kepada kedua-dua ekonomi, membuka peluang pekerjaan, menggalakkan pemindahan teknologi serta memperkukuh sekuriti makanan. Pada masa yang sama, turut dapat mengurangkan kebergantungan kepada import produk makanan bagi kedua-dua negara dan di samping mewujudkan asas



MENTERI Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada Majlis Pelancaran Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026 pada Jumaat, 31 Julai 2026 yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jalan Lapangan Terbang Lama.

yang lebih kukuh untuk menembusi pasaran eksport serantau dan antarabangsa.

Gabungan strategik ini juga berpotensi membangunkan rantai bekalan makanan rentas sempadan melalui pengeluaran komersial serta penggunaan teknologi pertanian moden seperti *precision agriculture*, dron dan Internet of Things (IoT).

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	RABIULAKHIR									
MASIH	HARI	HILIRAH	MSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	ISNIN	9	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.21	6.17	7.26
22	SELASA	10	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
23	RABU	11	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
24	KHAMIS	12	4.42	4.52	6.09	6.31	12.14	3.22	6.16	7.25
25	JUMAAT	13	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	SABTU	14	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
27	AHAD	15	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
30	24	°C	32	25	°C	32	24	°C		
Pekan Bangar										
30	24	°C	32	25	°C	32	24	°C		
Pekan Tutong										
30	24	°C	32	25	°C	32	24	°C		
Kuala Belait										
30	24	°C	32	25	°C	32	24	°C		

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 SEPTEMBER 2026

Tangani isu haiwan jalanan, simpati dan keselamatan perlu seimbang

SETIAP kali melihat video atau membaca berita tentang haiwan jalanan terutama sekali anjing dan kucing jalanan didera, dibuang atau ditangkap bahkan dibunuh, pasti hati kecil kita tersentuh, memikirkan kenapa ada orang boleh bersikap kejam terhadap haiwan-haiwan tersebut. Ini kerana haiwan inilah yang sering bersama kita, menjadi peneman serta penghibur kita. Justeru, apabila membaca kisah-kisah anjing dan kucing yang didera ini sangat menyentuh hati.

Di mana sahaja sama ada di kawasan kedai, perumahan, pejabat, kawasan kampung ini masih dibelenggu dengan masalah anjing liar ini sehinggalah membahayakan orang ramai. Tidak semua anjing agresif terhadap orang ramai tetapi kita tidak tahu keadaan anjing tersebut sama ada ia berbahaya atau tidak.

Anjing yang berkeliranan ini boleh menjadi sumber gangguan dan ketidakselesaan. Yang lebih membimbangkan lagi adalah dikhuatiri pembiakan tidak terkawal terutamanya di tempat-tempat awam. Haiwan itu boleh sahaja mengganggu ketenteraman penduduk dengan membuat bising atau mencemari kawasan awam dengan najis dan berkelahi sesamanya.

Insiden anjing liar yang menyerang orang ramai bukanlah sesuatu yang baharu namun sejak kebelakangan ini kejadian yang menakutkan dan sangat bahaya itu menimbulkan kebimbangan kepada orang awam. Ini kerana anjing berkeliranan ini mampu membahayakan keselamatan orang awam. Anjing yang tidak dikawal boleh menggigit atau menyerang orang, terutama kanak-kanak atau orang tua yang mungkin kurang berdaya untuk melindungi diri mereka.

Kita tidak boleh menafikan keselamatan manusia menjadi keutamaan. Aduan haiwan agresif, risiko gigitan, kemalangan jalan raya atau gangguan kebersihan perlu diberi perhatian tetapi penyelesaian terhadap masalah ini perlu berdasarkan tindakan bijak dan prinsip terhadap kebajikan haiwan dan keselamatan manusia.

Sememangnya kebanyakan haiwan terbiar di jalanan akibat tindakan manusia sendiri. Ada dibuang apabila tidak lagi dikehendaki dan tidak dimandulkan hingga membiak tanpa kawalan.

Banyak negara menunjukkan masalah haiwan jalanan tidak dapat diselesaikan hanya melalui operasi tangkapan. Beberapa pendekatan seperti haiwan ditangkap secara terkawal, dimandulkan bagi mengurangkan pembiakan, diberikan vaksinasi dan diuruskan secara sistematik. Sekurang-kurangnya kehidupan anjing terbiar atau liar ini akan lebih terjamin dan sekali gus mengurangkan bahaya kepada manusia.

Isu anjing liar ini sememangnya mendapat perhatian daripada pihak kerajaan yang mana Kumpulan Petindak Anjing Liar dan Terbiar di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bersama Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandar dan sedang giat dan aktif menjalankan operasi bersepadu pemindahan anjing liar dan terbiar. Sebagai inisiatif menangani isu anjing liar, KHEDN telah menyediakan sebuah Tempat Perlindungan Haiwan (Animal Shelter) bagi penempatan anjing-anjing yang telah dipindahkan dari tempat-tempat awam dengan memberikan penjagaan dan keselamatan yang secukupnya kepada anjing-anjing yang telah dipindahkan ke tempat tersebut.

Dengan ihsan dan tindakan bijaksana, negara kita mampu membina sistem pengurusan haiwan jalanan yang menjaga keselamatan manusia tanpa mengabaikan belas kasihan terhadap haiwan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat menyaksikan Piala FA Malaysia



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat untuk menyaksikan perlawanan berkenaan. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri).



>> Muka 1

DPMM FC membuka tirai jaringan pada minit ke-18 menerusi Jordan David Murray sebelum Kuala Lumpur City FC menyamakan kedudukan menerusi sepakan penalti Paulo Josue Sturmer Dos Reis pada minit ke-33.

Memasuki babak kedua, DPMM FC kembali di depan apabila Awang Muhammad Farris Izdiham Awang Kechik menambah jaringan pada minit ke-54, sebelum Miguel Angelo Agostinho Oliveira mengukuhkan kedudukan empat minit kemudian untuk meletakkan pasukan tuan rumah di hadapan 3 - 1.

Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur City FC enggan mengalah dan berjaya

merapatkan jurang menerusi Muhamad Baquiuddin Shamsudin pada minit ke-72 sebelum Fareed Sadat menyamakan kedudukan 3 - 3, lima minit kemudian.

Keputusan itu menyaksikan kedua-dua pasukan masih mempunyai peluang untuk menentukan nasib masing-masing dalam aksi timbal balik yang dijadualkan berlangsung pada 11 Oktober 2026, Ahad, jam 8.15 malam di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, Malaysia.

Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister berkata, pasukannya mengawal permainan dengan baik terutama dalam tempoh 30 minit pertama sebelum beberapa kesilapan menyaksikan kelebihan yang dimiliki terlepas.

Menurutnya, beberapa keputusan terburu-buru ketika pemain keletihan serta kegagalan melakukan perkara asas menyumbang kepada dua gol terakhir Kuala Lumpur City FC.

"Kami menang sebagai satu pasukan, kalah sebagai satu pasukan dan seri sebagai satu pasukan. Saya tidak mahu menuding kepada mana-mana individu," katanya semasa sidang media yang berlangsung selepas perlawanan.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Kuala Lumpur City FC, Datuk Dollah Salleh, memuji semangat juang anak buahnya selepas kedinggalan 3 - 1.

"Saya berbangga dengan

para pemain. Walaupun kami ketinggalan 3 - 1, mereka menunjukkan semangat juang dan berjaya bangkit. Namun, dari segi prestasi keseluruhan, kami masih belum mencapai tahap yang saya harapkan," katanya.

Mengulas mengenai aksi timbal balik di Kuala Lumpur nanti, Datuk Dollah Salleh mengakui berdepan DPMM FC bukan tugas mudah sambil menyifatkan skuad kendalian Jamie McAllister sebagai pasukan yang kukuh.



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC dan Kuala Lumpur City FC (kanan, kanan sekali dan atas kanan sekali).



BARISAN penyokong yang hadir memeriahkan perlawanan yang telah berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas dan kiri).

BERKENAN BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN AKHIR BOLA KERANJANG



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Akhir Bola Keranjang. Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

GADONG, Ahad, 20 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Akhir Bola Keranjang antara Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) dan Pasukan Jerudong International School (JIS) bagi

Kategori Perempuan Bawah 18 Tahun (B-18) pada Kejohanan Bola Keranjang antara Sekolah AEWON PPE Ke-4 2026, hari ini. Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Perlawanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



(BBA) itu turut menyaksikan penyertaan cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang mewakili Pasukan ISB.

Dalam perlawanan berkenaan, Pasukan ISB tewas kepada Pasukan JIS dengan pungutan mata 39 - 70.

Bagi meraikan para pemenang dalam kejohanan tersebut, pada sebelah malam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan

berangkat mengumikan hadiah kepada para pemenang.

Kejohanan tersebut yang melibatkan 16 buah sekolah dianjurkan oleh BBA dengan sokongan Jabatan Pendidikan

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mengumikan hadiah kepada Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) (kiri), manakala gambar bawah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat mewakili Pasukan ISB.

Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Juara Kejohanan Bola Keranjang antara Sekolah AEWON PPE Ke-4 2026 pada tahun ini bagi Kategori Perempuan dan Kategori Lelaki masing-masing dimenangi oleh Pasukan JIS manakala tempat kedua disandang oleh Pasukan ISB.



PPPBD raikan Sambutan Hari Kedamaian

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Ahad, 20 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat menghadiri Sambutan Hari Kedamaian (Peace Day) PPPBD bersempena International Day for Peace.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah di ibu pejabat persatuan berkenaan dijunjung oleh Naib-naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris dan Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Di-Pertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali serta Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani, yang kemudian diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Lagu Dunia Pandu Puteri dan Lagu Rantau Asia Pasifik.

Seterusnya sembah alu-aluan disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD yang antara lain menyebarkan Sambutan Hari Kedamaian adalah salah satu acara tahunan yang disambut setiap tahun dan tema Hari Kedamaian membawa mesej yang amat bermakna kepada semua Ahli Pandu Puteri iaitu 'Invest in Peace: For Everyone, Everywhere and Every Day'.

Beliau turut menyebarkan keberangkatan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah

Sururul Bolkiah juga pastinya akan menjadi suatu kenangan yang amat berharga kepada semua ahli dan peserta.

"Hamba Tuanku percaya ia juga akan menjadi pendorong kepada mereka untuk terus aktif membina keyakinan diri dan berkembang sebagai insan yang berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan bersedia memberikan sumbangan kepada agama, raja, negara dan masyarakat," sembahnya.

Sejurus itu acara diteruskan dengan persembahan daripada lima orang finalis Peace Day Speech Competition 2026 PPPBD Peringkat Akhir dari Kategori Pandu Puteri Tunas dan Kategori Pandu Puteri dan Pandu Puteri Ranjer.

Para finalis telah menyampaikan pidato masing-masing bertajuk 'Invest in Peace: For Everyone, Everywhere and Every Day'.

Peace Day Speech Competition 2026 PPPBD telah mempertandingkan seramai sembilan orang peserta keseluruhannya di peringkat separuh akhir bagi kedua-dua kategori, namun hanya tiga peserta dengan markah tertinggi di setiap kategori terpilih ke peringkat akhir dan memandangkan hanya dua orang peserta sahaja yang mendaftar di Kategori Pandu Puteri Tunas, oleh itu kedua-dua peserta terus layak bertanding di peringkat akhir.

Sambutan Hari Kedamaian turut diselenggarakan dengan Majlis Perasmian Baju Sukan Rasmi Persatuan PPPBD yang berkenan disempurnakan oleh YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, dengan menandatangani kanvas baju sukan rasmi persatuan berkenaan.

Pada majlis itu juga, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan dijunjung bagi



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat menghadiri Sambutan Hari Kedamaian (Peace Day) PPPBD bersempena International Day for Peace.

menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang dan peserta World Thinking Day Badge Design Competition 2026 PPPBD yang telah diadakan dari 14 Mac 2026 hingga 1 April 2026 yang lalu.

Seramai 61 orang ahli dari peringkat Pandu Puteri Tunas, Pandu Puteri, Pandu Puteri Ranjer dan Pemimpin Muda telah mengikuti pertandingan tersebut, di mana johan disandang oleh Dayang Nurul Matin binti Haji Muhammad Saruddin dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, sementara naib johan ialah Dayang Nur Syafiqah Padilla binti Syamsudin dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dan tempat ketiga jatuh kepada Dayangku Nur' Ain Alisha Zaharah binti Pengiran Haji Mohd. Sofian dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Para pemenang masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai berserta sijil penyertaan dan rencana rekaan johan pertandingan bersempena World Thinking Day 2026 (Hari Peringatan Sedunia 2026) yang membawa tema 'Our Friendship'.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah seterusnya berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta pertandingan Peace Day Speech Competition 2026 PPPBD, yang mana johan, naib johan dan tempat ketiga masing-masing menerima wang tunai berserta sijil penyertaan dan rencana.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis dan bagi memohon keberkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD.

84 PELAJAR NBD MELANJUTKAN PENGAJIAN DI REPUBLIK ARAB MESIR

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Sebagai langkah awal perjalanan akademik tersebut, rombongan pertama yang terdiri daripada 41 pelajar telah berlepas petang tadi menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei (RB) BI873, sebelum meneruskan penerbangan ke Republik Arab

Mesir.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para pelajar ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil; penolong-penolong pengarah serta pegawai-pegawai dari JPI dan ahli keluarga para pelajar.

Bagi memohon keselamatan, kelancaran dan keberkatan

perjalanan, Sembahyang Fardu Asar dan Sembahyang Sunat Hajat telah diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, disusuli dengan bacaan Doa Selamat sebelum berlepas meninggalkan negara.

Sementara itu, rombongan kedua yang terdiri daripada 43 pelajar

dijadualkan berlepas ke Republik Arab Mesir pada Isnin, 21 September 2026, pada pukul 5.45 petang, dengan menaiki pesawat RB BI873.

Rombongan para pelajar tersebut bukan sahaja menandakan kesinambungan tradisi keilmuan NBD di bumi Al-Azhar, malah membuka ruang kepada generasi muda negara untuk memperkukuh ilmu, memperluas pengalaman serta mendalami bidang pengajian Islam di salah sebuah institusi pendidikan Islam terkemuka dunia.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para pelajar.

Kesedaran, pengesanan awal penting tangani demensia

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 57 juta orang di seluruh dunia menghidap demensia pada tahun 2021 dan hampir 10 juta kes baharu berlaku setiap tahun.

Angka ini dijangka meningkat kepada 78 juta orang menjelang tahun 2030 dan 139 juta orang menjelang tahun 2050.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut dalam perutusan sempena Hari Alzheimer Sedunia 2026 yang disambut pada 21 September, dengan tema 'Lebih Awal Awda Ketahui, Lebih Banyak Dapat Awda Lakukan: Diagnosis Demensia Amat Bermakna' (The Earlier You Know, The More You Can Do : A Dementia Diagnosis Matters).

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada arus ini. Selari dengan kejayaan negara dalam meningkatkan jangka hayat rakyat, ia juga bermakna kita kini sedang menuju ke arah masyarakat yang semakin menua.

"Anggaran menunjukkan bilangan penduduk yang hidup dengan demensia di negara ini boleh meningkat sehingga 365 peratus menjelang tahun 2050.

"Oleh yang demikian, kita perlu mengambil serius perkara ini dengan menekankan kepentingan pemeriksaan awal, pencegahan dan pengawalan bagi mengurangkan risiko demensia," ujar Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, tambah Yang Berhormat, telah melaksanakan beberapa saringan bagi warga emas yang dikenali sebagai 'Community Screening of STEP-1 Integrated Care for Older People (ICOPE)' yang dijalankan di beberapa tempat di seluruh negara.

Hasil dapatan daripada saringan kognitif tersebut mendapati bahawa lebih kurang 36.0 peratus mengalami penurunan kognitif dari aspek orientasi, 36.3 peratus mengalami penurunan ingatan dan 31.9 peratus telah gagal di dalam kedua-dua saringan kognitif berkenaan.

Selain itu, sebuah kaji selidik yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Demensia Brunei dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan dan Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2023, yang mana seramai 1,358 orang berusia 50 tahun ke atas telah menjalankan pemeriksaan kognitif.

Yang Berhormat berkata, hasil pemeriksaan tersebut mendapati simptom yang paling kerap dilaporkan ialah salah letak barang (42.6 peratus), mudah lupa (32.5 peratus) dan kesukaran *visuospatial* (24.2 peratus). Manakala bagi individu yang mempunyai simptom, 14.5 peratus

melaporkan simptom yang semakin teruk dan 12.0 peratus mengalami gangguan aktiviti harian. Hasil saringan menggunakan ujian Mini-COG juga telah mendapati 14.4 peratus disyaki mengalami gangguan kognitif.

Kajian yang sama, jelas Yang Berhormat turut mengesahkan bahawa faktor-faktor risiko yang lazim dalam kalangan masyarakat kita seperti tekanan darah tinggi, diabetes, kolesterol tinggi dan penyakit buah pinggang adalah faktor-faktor risiko yang sama bagi penyakit demensia.

Bertepatan dengan isu tersebut tambah Yang Berhormat lagi, Hari Alzheimer atau Demensia Sedunia disambut pada 21 September setiap tahun sebagai kemuncak kepada Bulan Alzheimer atau Demensia Sedunia, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat di seluruh dunia serta menangani stigma yang berkaitan dengan penyakit Alzheimer dan lain-lain bentuk demensia. Tema Sambutan Hari Demensia Sedunia 2026 ialah 'The Earlier You Know, The More You Can Do: A Dementia Diagnosis Matters', 'Lebih Awal Awda Ketahui, Lebih Banyak Dapat Awda Lakukan: Diagnosis Demensia Amat Bermakna'.

Tema ini membawa mesej yang jelas bahawa diagnosis yang tepat pada masanya membuka ruang kepada tindakan, perancangan dan sokongan yang lebih baik termasuk rawatan, penjagaan dan perancangan masa depan bagi mereka yang menghidap demensia serta ahli keluarga mereka.

Menurut Yang Berhormat, antara cabaran yang dihadapi oleh individu yang mempunyai risiko demensia atau keluarga mereka ialah perasaan takut dan malu, serta stigma yang masih dikaitkan dengan demensia.

"Hal ini boleh menyebabkan individu atau keluarga menangkahkan pemeriksaan sehinggalah keadaan menjadi lebih serius dan mula menjejaskan kehidupan seharian. Diagnosis awal bukan sahaja membolehkan individu mendapatkan rawatan serta sokongan yang bersesuaian, malah memberi peluang kepada individu berkenaan untuk terlibat secara aktif dalam membuat keputusan mengenai kesihatan, kewangan, keluarga dan masa hadapan, ketika mereka masih berupaya dan dapat menyatakan kehendak dan pilihan sendiri," terang Yang Berhormat.

Walaupun kebanyakan jenis demensia masih belum mempunyai rawatan ubat yang khusus, rawatan dan sokongan yang bersesuaian seperti membuat aktiviti fizikal, rangsangan kognitif, pemakanan yang sihat dan seimbang, hubungan sosial, pengurusan penyakit kronik, pemulihan, kerjasama dari ahli keluarga dan masyarakat dan pengubahsuaian persekitaran boleh

membantu individu mengekalkan fungsi, kebebasan dan kualiti hidup selama yang mungkin.

Kementerian Kesihatan, ujar Yang Berhormat, akan terus memberikan perhatian kepada usaha mempromosi penuaan sihat, meningkatkan kesedaran mengenai demensia, menggalakkan pengesanan dan penilaian awal serta memperkukuh kesinambungan penjagaan yang berpusatkan individu (*person-centred care*).

Namun tambah Yang Berhormat, usaha ini tidak dapat dilaksanakan oleh sektor kesihatan sahaja. Ia memerlukan kerjasama bersepadu daripada agensi kerajaan, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta, pemimpin masyarakat, keluarga dan seluruh komuniti.

Selaras dengan hasrat untuk membina masyarakat yang inklusif dan mesra usia, Sempena Hari Demensia Sedunia 2026 ini, Yang Berhormat menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk mengambil beberapa langkah penting iaitu meningkatkan pengetahuan mengenai tanda-tanda awal demensia dan tidak menganggap setiap perubahan pada daya ingatan sebagai perkara biasa akibat penuaan. Dapatkan maklumat dan bantuan yang bersesuaian daripada profesional kesihatan atau Persatuan Demensia Brunei.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, dapatkan pemeriksaan lebih awal daripada profesional kesihatan sekiranya perubahan pada daya ingatan, pemikiran atau tingkah laku mula menjejaskan kehidupan seharian; hentikan stigma dan tunjukkan rasa hormat dan empati terhadap individu yang mengalami demensia. Elakkan perkataan, jenaka atau tanggapan yang boleh memalukan, merendahkan atau memulaukan individu yang mengalami demensia.

Dalam masa yang sama, berikan sokongan kepada ahli keluarga dan penjaga. Sentiasa bertanya tentang keadaan mereka dan hulurkan bantuan yang praktikal. Kadangkala, bantuan yang kecil sekalipun boleh membawa makna yang sangat besar, dan jagalah kesihatan otak sepanjang hayat dengan mengamalkan aktiviti fizikal secara berkala, mengambil makanan yang seimbang, mengekalkan hubungan sosial yang bermakna, sentiasa terus belajar perkara baharu, mendapatkan tidur yang mencukupi serta mengawal tekanan darah tinggi, diabetes dan faktor risiko kesihatan yang lain.

"Marilah kita bersama-sama membina Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang lebih memahami demensia, lebih prihatin, bebas daripada stigma dan memastikan tiada seorang pun individu atau keluarga perlu mengharungi perjalanan ini secara bersendirian," jelas Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

Bacaan Yaa Siin, Tahlil sempena Hari Guru Ke-36

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir sama pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

>> Muka 1

Hadir sama pada majlis petang tadi ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Acara turut disertai oleh para pegawai, guru-guru serta pelajar-pelajar daripada institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Nazir Khas, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Selain sebagai usaha menyemarakkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 bagi Negara Brunei Darussalam, majlis seumpama itu juga bagi memohon keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala atas majlis yang diadakan, di samping mengenang jasa dan mendoakan para guru yang telah kembali ke rahmatullah.

Tema bagi Majlis Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

PENDIDIKAN UGAMA PROSES MEMBENTUK MANUSIA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 September. — Bersempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam, kita mensyukuri nikmat pendidikan ugama yang telah berkembang sejak penubuhan sekolah ugama pada 16 September 1956 dengan matlamat untuk membentuk manusia yang beriman, berilmu, beramal, dan berakhlak mulia.

70 tahun ini bukan sekadar untuk dikenang sebagai sejarah atau angka tetapi menjadi ruang untuk bermuhasabah sama ada pendidikan ugama telah mendekatkan kita kepada Allah, memperbaiki ibadah, memperelok akhlak serta menjadikan kita insan yang lebih amanah, jujur dan bertanggungjawab.

Pendidikan ugama bukan sekadar proses menyampaikan ilmu tetapi proses membentuk manusia melalui ilmu Tauhid, Fiqh, Al-Quran, sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pendidikan akhlak yang kesannya perlu terlihat dalam kehidupan seharian, sama ada di rumah, di tempat kerja mahupun dalam masyarakat.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Tujuh Dekad Pendidikan Ugama: Mensyukuri Nikmat, Meneruskan Amanah' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Ashanul Azmi bin Haji Sarbini bagi menyerikan Munajat Khas anjuran KHEU Kali Ke-247 sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan

Ugama Formal, JPI, baru-baru ini.

Tambahnya, nikmat ini juga merupakan suatu amanah yang diwarisi daripada para pemerintah, ulama, guru, pentadbir dan ibu bapa yang telah berusaha membangunkan pendidikan ugama sehingga terbentuk sebuah legasi. Legasi sebenar pendidikan bukanlah bangunan atau sistem semata-mata tetapi manusia yang berjaya dibentuk dengan iman, ilmu dan akhlak yang kukuh.

"Dengan cabaran yang dihadapi generasi hari ini, pendidikan ugama bukan sahaja perlu memastikan anak-anak kita mengetahui ugama, tetapi juga mempunyai kekuatan untuk berpegang kepada ugama. Oleh itu, keputusan yang kita buat, ilmu yang kita ajarkan, nilai yang kita tanam dan anak-anak yang kita didik hari ini, semuanya boleh memberikan kesan kepada masa hadapan dan itulah amanah membina generasi," terangnya.

Menyemarakkan Program Munajat Khas minggu ini ialah para pegawai dan kakitangan JPI, KHEU termasuk Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong, Pejabat Pengajian Islam Daerah Belait, dan Pejabat Pengajian Islam Daerah Temburong serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), JPI, KHEU, Pengiran Mohamad

Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin, yang bersiaran dari Surau Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong, JPI, KHEU, Pengiran Haji Asri Sukaimi bin Pengiran Haji Piuat, diikuti dengan Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Bahagian Peperiksaan, JPI, KHEU, Awang Azman bin Haji Jaya dan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Pemangku Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, JPI, KHEU, Awang Haji Suherdey bin Serbini.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Penolong Pegawai Pengajian Islam Daerah Belait, JPI, KHEU, Pengiran Adiyura bin Pengiran Haji Mohammad. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Temburong, JPI, KHEU, Awang Rozimin bin Haji Abd. Rahim.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat



MUNAJAT Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-247 sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, Jabatan Pengajian Islam turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang

musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.

'My Dream' eratkan hubungan persahabatan NBD - Republik Rakyat China

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Sabtu, 19 September. - Hubungan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China telah mengharungi pelbagai perubahan keadaan antarabangsa dan terus bergerak maju dengan mantap.

Sempena Ulang Tahun Ke-35 penubuhan hubungan diplomatik kedua-dua negara, Republik Rakyat China bersedia untuk bekerjasama dengan semua lapisan masyarakat NBD bagi terus memperkukuh kepercayaan strategik bersama, memperdalam kerjasama persahabatan dalam semua bidang serta berganding bahu dalam usaha memajukan pembangunan negara masing-masing.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun pada Persembahan Seni bertajuk 'My Dream' oleh The China Disabled People Performing Arts Troupe yang berlangsung baru-baru ini di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), di sini.

Menurut Tuan Yang Terutama, persembahan malam ini bukan sahaja meraikan ulang tahun ke-35

hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, malah menjadi jambatan persahabatan yang menggalakkan saling belajar antara tamadun dan mendekatkan hati rakyat NBD dan Republik Rakyat China.

TYT turut menekankan bahawa NBD dan Republik Rakyat China merupakan negara jiran yang bersahabat dan mempunyai sejarah pertukaran persahabatan sejak lebih seribu tahun melalui Laluan Sutera Maritim.

Kedua-dua negara akan terus berusaha menggalakkan pembinaan komuniti NBD dan Republik Rakyat China dengan masa depan yang dikongsi bersama agar mencapai kemajuan yang lebih kukuh dan nyata, membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat kedua-dua negara serta menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau, tambah TYT lagi.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam semasa berucap (atas), manakala gambar bawah, Persembahan Seni bertajuk 'My Dream' oleh The China Disabled People Performing Arts Troupe yang berlangsung baru-baru ini di Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Persembahan yang diadakan dengan kerjasama Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berkenaan menampilkan 17 persembahan oleh penyanyi dan penari kelainan upaya dari NBD dan Republik Rakyat China.



HALUAN

>> Muka 2

Dalam sektor pelancongan pula, *joint-promotion* bagi kedua-dua destinasi perlu terus diperkukuhkan lagi kerana sektor ini merupakan antara pemacu penting pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam menjana pendapatan kepada PMKS, industri hospitaliti, pengangkutan, makanan dan minuman serta ekonomi komuniti. Ini termasuklah mempertingkatkan usaha dalam pembangunan pakej pelancongan rentas sempadan yang bersepadu dan saling melengkapi. Pendekatan ini akan memperkukuh daya tarikan kedua-dua destinasi sebagai destinasi berkembar (*twin-destination*), khususnya bagi pelawat dari pasaran jarak jauh.

Melalui kolaborasi strategik ini, kedua-dua pihak bukan sahaja berupaya meningkatkan aliran pelancong dan tempoh penginapan, malah memperluaskan limpahan manfaat ekonomi (*economic spin-offs*) kepada perusahaan tempatan, penyedia perkhidmatan pelancongan, penggiat seni budaya dan komuniti di kedua-dua belah sempadan.

Di kesempatan ini, saya mengundang para pelawat dari Malaysia, khususnya dari Sarawak termasuk Miri, Limbang, Lawas dan kawasan sekitarnya, untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Tahun Melawat Brunei 2027. Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kedatangan para pengunjung untuk menikmati keindahan alam semula jadi, kekayaan warisan budaya, kepelbagaian kulinari dan pelbagai acara menarik yang berlangsung sepanjang tahun, sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan bagi percutian bersama keluarga dan sahabat handai.

Sesungguhnya, kejayaan dan kemakmuran bergantung kepada kerjasama strategik yang saling melengkapi serta memberikan manfaat bersama. Saya yakin hubungan erat yang telah sekian lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, yang diasaskan atas semangat kejiranan, saling percaya dan persefahaman, akan terus menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi, memperkukuh kesejahteraan rakyat serta meningkatkan daya saing kedua-dua negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Justeru, saya berharap Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak akan terus diperkasakan sebagai satu inisiatif strategik. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara, STATOB, Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' dan semua rakan strategik, usahawan serta semua pihak yang telah menjayakan program ini. Semoga segala usaha dan kerjasama yang dicurahkan akan mempereratkan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026.

PAMERAN REPUBLIK INDIA KETENGAHKAN BUDAYA, MASAKAN, KREATIVITI

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



SALAMBIGAR, Sabtu, 19 September. – Dalam usaha membarigakan keindahan dan kekayaan warisan budaya, masakan, tradisi, kraf tangan, produk serta seni persembahan Republik India, Suruhanjaya Tinggi Republik India di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah membuka tirai sebuah acara Namaste Brunei 2026 – The Great Indian Bazaar bertempat di Pusat Membeli-belah OneCity, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus menyempurnakan sesi perasmian acara berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah yang dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani.

Acara yang berlangsung selama dua hari sehingga Ahad berkenaan menampilkan kira-kira

50 pengusaha tempatan dan juga dari Republik India dengan mempamerkan pelbagai jenis masakan, produk, kraf tangan, tekstil, tawaran kesejahteraan serta pengalaman budaya Republik India, sekali gus membawakan cita rasa Republik India kepada para pengunjung.

Selain bazar berkenaan, para pengunjung juga boleh menikmati pelbagai persembahan pentas oleh ahli komuniti Republik India dan penghibur tempatan NBD, yang mempamerkan kepelbagaian seni persembahan Republik India daripada tradisi Bharatanatyam yang penuh keanggunan hinggalah kepada persembahan lagu-lagu popular Bollywood yang rancak.

Menariknya, acara berkenaan turut merangkumi tayangan dua filem popular Republik India berjudul 'Kabhi Khushi Kabhie Gham' dan 'RRR' di One Cineplex, pusat membeli-belah berkenaan.

Dengan adanya penganjuran acara penuh kemeriahan berkenaan, ia sememangnya bertujuan untuk menyediakan detik-detik dan pengalaman berharga kepada para pengunjung dalam merasai sendiri pengalaman menyaksikan pameran budaya, masakan serta kreativiti Republik



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam (atas dan kiri).

India. Di samping itu, ia juga dihasrat bagi sama-sama meraikan hubungan budaya yang telah lama terjalin serta hubungan erat antara rakyat Republik India dan NBD.

Sekolah Menengah Katok juara Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis menyaksikan pertandingan berkenaan (atas), manakala gambar bawah, Sekolah Menengah Katok dinobatkan sebagai juara pada peringkat akhir Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Tahun 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. – Sekolah Menengah Katok (SMK) dengan persembahan mereka 'Jipin Laila Sembah' telah dinobatkan sebagai juara pada peringkat akhir Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Sementara, naib juara disandang oleh Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) dengan persembahan mereka 'Adai-Adai', manakala tempat ketiga dijuarai oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dengan

membawakan persembahan mereka 'Dundang-Dundang'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pada pertandingan peringkat akhir berkenaan, sebanyak tujuh buah sekolah menengah, maktab dan PTE telah menyertai pertandingan tersebut, dengan jumlah keseluruhan seramai 91 pelajar.

Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan PTE Tahun 2026 merupakan sebuah pertandingan persembahan pentas yang berkonsepkan nyanyian dan tarian.

Ia merupakan julung kali dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti dengan kerjasama Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS.

Antara objektif pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk menggalakkan dan menarik minat para pelajar untuk mengenali serta mempelajari gerak tari tarian-tarian Brunei asli, di samping mendendangkan iramanya dengan cara yang lebih kreatif.

Pertandingan berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan kebolehan dan keyakinan para pelajar dalam mempersembahkan nyanyian dan tarian berirama lagu-lagu tradisi Brunei asli.

Selain itu, pertandingan berkenaan dihasratkan dapat memupuk semangat cintakan seni budaya serta meningkatkan penghargaan terhadap warisan masyarakat Brunei dalam kalangan para pelajar.

Semai, pupuk semangat cintai Al-Quran dalam kalangan pelajar

Oleh: Aimi Sani
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PULAIE, Sabtu, 19 September. – Awang Md. Nur Taufiq Shauqi bin Haji Sofian dari Sekolah Menengah Berakas dan Dayangku Wajihah binti Pengiran Khairul Nazri dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna masing-masing muncul sebagai johan bagi Kategori Lelaki dan Perempuan pada Peringkat Akhir Pertandingan Hafazan Surah-surah Pilihan Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2026 Masihi / 1448 Hijrah yang berlangsung di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Pertandingan anjuran Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan itu didahului dengan peringkat saringan yang diadakan selama dua hari iaitu pada 26 dan 27 Ogos 2026, dengan penyertaan daripada 16 buah sekolah menengah kerajaan dan swasta.

Seramai 40 pelajar menyertai peringkat saringan berkenaan, terdiri daripada 22 pelajar lelaki dan 18 pelajar perempuan. Daripada jumlah tersebut, empat pelajar yang memperoleh markah tertinggi bagi setiap kategori mara ke peringkat akhir pertandingan.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada budaya menghafaz Al-Quran, di samping memupuk amalan membaca surah-surah berkenaan sebagai rutin harian serta menghayati fadilat yang terkandung dalam amalan tersebut.

Selain itu, pertandingan berkenaan turut bertujuan meningkatkan keupayaan para pelajar dalam menghafaz surah-surah pilihan dengan fasih, serta memperkasa hafazan dan bacaan surah-surah pilihan khususnya Surah Yaa Siin dan Surah Al-Mulk sebagai amalan harian.

Penganjuran pertandingan berkenaan juga diharap dapat menyemai dan memupuk semangat mencintai Al-Quran dalam kalangan para pelajar, sekali gus menggalakkan mereka menjadikan bacaan dan hafazan Al-Quran sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan seharian.



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil menyampaikan hadiah kepada johan Kategori Lelaki Peringkat Akhir Pertandingan Hafazan Surah-surah Pilihan Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2026 Masihi / 1448 Hijrah.



10 QARI, QARIAH LAYAK KE PERINGKAT AKHIR MTQBK 1448 HIJRAH

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan

JERUDONG, Ahad, 20 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah melaksanakan Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan



(MTQBK) 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Peringkat separuh akhir yang diadakan sebelum majlis penyampaian sijil tersebut telah menyaksikan seramai 15 peserta qari dan 15 peserta qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Mereka merupakan peserta yang terpilih melalui peringkat saringan yang telah diadakan pada

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis.

9 hingga 12 September 2026 yang lalu disertai oleh 107 peserta iaitu 66 qari dan 41 qariah.

Majlis turut diisikan dengan pengumuman keputusan musabaqah oleh Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Hakim Peringkat Separuh Akhir, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Peringkat Akhir MTQBK 1448 Hijrah / 2026 Masihi dijadualkan berlangsung pada hari Khamis, 1 Oktober 2026, bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Seramai 10 peserta iaitu lima qari dan lima qariah termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah MTQBK Tahun 2025 akan bertanding di peringkat akhir nanti.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, selaku Pengerusi Majlis dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta musabaqah peringkat separuh akhir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Manakala doa penutup

dibacakan oleh Awang Muhammad 'Arief Zuhairi Chia bin Abdullah Syihab.

Turut hadir pada tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman; pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ibu bapa.

MTQBK merupakan salah satu projek tahunan KKBS dikelolakan oleh JBS sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau taranum.

Orang ramai terutamanya para belia boleh menyaksikan MTQBK 1448 Hijrah / 2026 Masihi bagi peringkat akhir nanti secara langsung melalui akaun rasmi Instagram JBS di @jbs.brunei.

Memperkukuh kompetensi dalam melaksanakan MRA-TP

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah berjaya memperakui 15 peserta yang terdiri daripada ahli akademik dan pengamal industri hospitaliti sebagai ASEAN National Assessor in Housekeeping. Program ini telah diadakan bermula 15 hingga 19 September 2026 di J Hotel.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap (Industri), KEPI, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim. Turut hadir, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salinah binti Haji Mohd. Salleh.

Program ini bertujuan untuk memperkukuh kompetensi para peserta dalam melaksanakan ASEAN Mutual Recognition Arrangement on Tourism

Professionals (MRA-TP), khususnya dalam penilaian dan pensijilan tenaga kerja pengemasan selaras dengan ASEAN Common Competency Standards for Tourism Professionals (ACCSTP).

Program ini juga bertujuan untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan penilaian yang adil, konsisten dan berasaskan kompetensi, di samping memastikan standard perkhidmatan pengemasan, yang merupakan aspek penting dalam pengalaman tetamu (*guest experience*), dikekalkan pada tahap yang tinggi serta sejajar dengan piawaian serantau ASEAN.

Penilai yang diperakui memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti dan profesionalisme industri hospitaliti dengan memastikan tenaga kerja pengemasan memenuhi standard kompetensi yang ditetapkan di

bawah ACCSTP.

Melalui proses penilaian yang berwibawa, telus dan konsisten, mereka menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran serta menyokong penyertaan berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam rangka kerja ASEAN MRA-TP.

Penyempurnaan program ini akan melengkapkan para peserta dengan pengetahuan, kompetensi penilaian dan pertimbangan profesional yang diperlukan untuk menjalankan penilaian berasaskan kompetensi selaras dengan ACCSTP.

Sebagai Penilai Nasional yang diperakui, mereka akan menyumbang kepada kualiti, konsistensi dan kredibiliti proses penilaian dan pensijilan bagi tenaga kerja pengemasan di NBD. Ini seterusnya akan memperkukuh tenaga kerja industri hospitaliti negara serta menyokong penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada para pelawat, khususnya selaras dengan persiapan negara bagi Tahun Melawat Brunei 2027.

Sejak tahun 2012, ASEAN telah memformalkan Peraturan Saling Pengiktirafan (Mutual Recognition Arrangements – MRAs), yang memudahkan mobiliti tenaga profesional pelancongan di seluruh negara-negara anggota serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam pendidikan dan latihan berasaskan kompetensi. MRA-TP juga menyokong kerjasama serantau dan pembangunan kapasiti dengan mengiktiraf kelayakan serta kompetensi tenaga profesional pelancongan yang berkemahiran.

MRA bagi Tenaga Profesional Pelancongan disokong oleh ASEAN Common Competency Standards for Tourism Professionals (ACCSTP), yang menggariskan kompetensi minimum yang diperlukan merentasi enam bahagian pekerjaan.

Bahagian-bahagian ini merangkumi 32 peranan pekerjaan, termasuk *housekeeping*, perkhidmatan kaunter hadapan, perkhidmatan makanan dan minuman, pengeluaran makanan, agensi pelancongan dan operasi lawatan.

Sebagai menunjukkan komitmennya terhadap piawaian serantau dan pembangunan


profesional yang berterusan, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah memperakui sejumlah tenaga profesional pelancongan, termasuk 14 peserta sebagai ASEAN National Trainers dalam bidang Kaunter Hadapan, 11 orang sebagai ASEAN National Assessors dalam bidang Kaunter Hadapan, 19 orang sebagai ASEAN National Trainers dalam bidang Pengeluaran Makanan dan 19 orang sebagai ASEAN National Trainers dalam bidang *housekeeping*.

Inisiatif-inisiatif ini akan menyumbang kepada usaha menangani jurang kemahiran dalam industri, meningkatkan profesionalisme dan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan, serta menggalakkan pengiktirafan dan mobiliti tenaga profesional pelancongan NBD.

Jabatan Kemajuan Pelancongan kekal komited untuk meneruskan inisiatif pembangunan kapasiti ini bagi memastikan rantaian nilai pelancongan NBD disokong oleh tenaga kerja yang berkemahiran dan kompeten, dengan penyampaian perkhidmatan yang mencerminkan profesionalisme, kualiti dan pematuhan kepada piawaian serantau yang diiktiraf selaras dengan ASEAN MRA-TP.



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri menyampaikan sijil kepada para peserta.



JPMC KETENGAHKAN NBD SEBAGAI DESTINASI PENJAGAAN KESIHATAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre



JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 19 September. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) terus memperkukuh usaha dalam meningkatkan kehadiran Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan perubatan di Republik Indonesia melalui penyertaannya pada Jerayawara Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027 Roadshow) yang berlangsung di Kota Kasablanka, Jakarta, dari 11 hingga 13 September 2026.

Jerayawara berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan

Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), bagi menentengahkan pelbagai produk dan tawaran pelancongan NBD kepada pasaran Republik Indonesia, termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan.

JPMC diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Neelakannan Periyasamy; Pengarah Perkhidmatan Perubatan Am, Dr. Awang Muhd. Hiza Wardy bin Haji Abdul Halim; serta beberapa wakil rasmi JPMC yang lain.

Penyertaan JPMC dalam jerayawara berkenaan merupakan

sebahagian daripada usaha berterusan dalam bidang pelancongan perubatan bagi meningkatkan kesedaran mengenai NBD sebagai destinasi penjagaan kesihatan, di samping memperkukuh hubungan dalam ekosistem penjagaan kesihatan dan pelancongan serantau.

Sepanjang kunjungan berkenaan, delegasi JPMC turut mengadakan pertemuan dengan pihak berkepentingan dan rakan kongsi penjagaan kesihatan di Jakarta bagi membincangkan bidang-bidang kerjasama yang berpotensi dalam pelancongan perubatan.

Perbincangan berkenaan turut meneroka peluang untuk memperkukuh hubungan antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan kesedaran mengenai saluran penjagaan kesihatan yang tersedia serta menyokong akses yang lebih meluas kepada rawatan perubatan khusus di NBD.

Ketua Pegawai Operasi JPMC berkata, Republik Indonesia kekal sebagai salah satu pasaran penting dalam perkembangan pelancongan perubatan JPMC.

Menurutnya lagi, melalui penglibatan dalam acara seperti Jerayawara VBY 2027, pihaknya bukan sahaja berpeluang menentengahkan keupayaan penjagaan kesihatan NBD, malah turut membina kerjasama bermakna yang dapat memperkukuh akses pesakit



JERAYAWARA Tahun Melawat Brunei 2027 yang berlangsung di Kota Kasablanka, Jakarta, dari 11 hingga 13 September 2026 (atas dan kiri).

kepada rawatan khusus berkualiti tinggi serta menyokong perkembangan jangka panjang kerjasama penjagaan kesihatan antara NBD dan Republik Indonesia.

Penglibatan berkenaan juga menyerlahkan hubungan yang rapat antara NBD dan Republik Indonesia, khususnya dengan adanya perhubungan udara secara langsung antara Jakarta dan NBD yang memberikan kemudahan akses kepada para pesakit serta ahli keluarga yang mengiringi.

Selain itu, persekitaran NBD yang aman serta kemudahan

penjagaan kesihatan bersepadu yang ditawarkan oleh JPMC turut menyumbang kepada potensi negara ini sebagai destinasi bagi pesakit yang memerlukan rawatan perubatan khusus.

JPMC akan terus mengadakan penglibatan bersama rakan kongsi yang berkaitan di Republik Indonesia dan pasaran serantau yang lain sebagai sebahagian daripada usaha lebih luas untuk mengembangkan sektor pelancongan perubatan serta memperkukuh peranan NBD dalam landskap penjagaan kesihatan serantau.

Tutong Buzz memperkukuh aktiviti perniagaan setempat

■ Berita dan Foto : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 19 September. - Program Tutong Buzz terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peniaga dan orang ramai, dengan platform berkenaan bukan sahaja menjadi ruang untuk menjalankan perniagaan, malah turut dimanfaatkan sebagai sumber pendapatan sampingan bagi membantu menampung keperluan keluarga.

Bagi para peniaga yang menyertai Tutong Buzz, kemudahan berniaga dengan kadar sewa yang berpatutan serta sambutan orang ramai antara faktor yang mendorong mereka untuk terus mengambil bahagian setiap kali program berkenaan diadakan.

Tutong Buzz diadakan di



PENGASAS Kopi Ais Gantung Viral, Dayang Mariah binti Damit semasa menyertai Tutong Buzz.

berpatutan," ujarnya lagi.

Manakala bagi Pengasas Kopi Ais Gantung Viral, Dayang Mariah binti Damit, pula menjelaskan, beliau menyertai Tutong Buzz setiap kali ia diadakan.

Menyentuh mengenai sambutan daripada orang ramai, Dayang Mariah berkata jualanannya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Berniaga ini tambahnya, adalah secara sambilan dan bagi menambah pendapatan untuk

menampung perbelanjaan keluarga.

"Ketika saya bekerja, anak saya akan membantu menggantikan saya mengendalikan perniagaan tersebut," ujarnya lagi.



PENGASAS Selera Mama Kitchen, Awang Mohd. Nazib bin Nasarudin.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'. Tarikh Tutup : 23 September 2026
- 2.'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 30 September 2026
- 3.'Peranan Komuniti dalam Memajukan Pembangunan Sukan'. Tarikh Tutup : 7 Oktober 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PRODUK TEMPATAN DIKETENGGAHKAN DALAM SUASANA SANTAI DAN INTERAKTIF

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



JERUDONG, Sabtu, 19 September. – Dalam suasana persaingan perniagaan yang semakin sengit, khususnya dengan pertumbuhan jualan secara dalam talian, JP Mini Thrift and Acoustic yang dianjurkan oleh Jerudong Park Country Club (JPCC) tampil sebagai platform fizikal yang menghimpunkan vendor tempatan selama dua hari bagi membuka ruang kepada mereka menjana pendapatan.

Penganjuran berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada vendor memasarkan produk dan barangan secara bersemuka, malah menjadi wadah untuk memperkenalkan produk tempatan kepada pengunjung dalam suasana santai dan lebih interaktif.

Berlangsung di kawasan letak

kereta Jerudong Park Colonnade, acara dua hari pada 18 dan 19 September 2026 berkenaan dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula pukul 4.00 petang hingga 10.00 malam.

Pihak JPCC juga akan menganjurkan acara yang serupa pada 2 hingga 3 Oktober 2026 nanti di tempat yang sama.

Salah seorang vendor yang ditemui, Awang Mohammad Ariffin bin Haji Ibrahim mengongsikan, beliau menjual pelbagai jenis pakaian, merangkumi baju-baju terpakai (*pre-loved*) serta beberapa helai pakaian baharu.

Menariknya, kebanyakan koleksi baju terpakai yang beliau bawa adalah sebahagian daripada koleksi peribadinya sendiri yang dikumpul sejak sekian lama dan ada

di antaranya diperoleh dari luar negara semasa melancong atau mencari barang-barang *bundle* berkualiti tinggi.

Selain itu, beliau juga mempamerkan beberapa koleksi *rare items* seperti baju fesyen retro eksklusif dan rekaan sukar didapati di pasaran tempatan biasa. Barangan *rare* inilah yang selalunya menjadi buruan peminat fesyen atau para pengumpul.

Koleksi yang beliau bawa pada acara berkenaan berharga serendah BND10 hinggalah BND50.

Awang Mohammad Ariffin juga mengongsikan, selain menyertai acara luar seumpamanya, beliau juga aktif menjual produk-produknya melalui platform media sosial TikTok melalui akaun 'Angkal.Danish Thrift'.

Sementara itu, seorang lagi vendor yang menyertai acara berkenaan, iaitu Dayang Hamisah binti Haji Kepli, menawarkan pelbagai produk kosmetik dengan harga mampu milik.

Menurutnya, selain menjual barangan secara dalam talian melalui media sosial (*BeautyOnBudget*), beliau juga sering menyertai aktiviti dan acara jualan-jualan fizikal seperti berkenaan.

Juga menyertainya acara berkenaan ialah anak beliau, Dayang Nur Aliyah Umi Farzana binti Shafiee yang juga menjual produk kosmetiknya tersendiri. Orang ramai juga boleh mengunungi media sosial TikTok 'DoubleABeauty' bagi melihat pelbagai produk yang dijual.



JP Mini Thrift and Acoustic yang dianjurkan oleh Jerudong Park Country Club (JPCC) tampil sebagai platform fizikal yang menghimpunkan vendor tempatan selama dua hari bagi membuka ruang kepada mereka menjana pendapatan (atas dan kiri).

Selain aktiviti jualan, konsep acara juga diserikan dengan persembahan akustik daripada bakat-bakat tempatan untuk mewujudkan suasana lebih meriah dan menarik pengunjung bagi meluangkan masa, sekali gus memberi nilai tambah kepada pengalaman membeli-belah.

Platform sedemikian juga membuka peluang kepada vendor kecil dan usahawan baharu untuk mendapatkan pendedahan, menguji penerimaan pasaran terhadap produk mereka serta mengenal pasti keperluan dan cita rasa pelanggan.

Sehubungan itu, acara seperti JP Mini Thrift and Acoustic memberikan alternatif kepada vendor untuk berinteraksi secara

langsung dengan pelanggan, memperkenalkan produk serta membina hubungan yang lebih dekat dengan komuniti.

Usaha menyokong vendor tempatan melalui acara seumpama berkenaan juga secara tidak langsung dapat membantu menggalakkan budaya membeli produk tempatan serta memperkukuh ekosistem perniagaan kecil dan sederhana.

JP Mini Thrift and Acoustic diharap dapat menjadi salah satu platform berterusan yang memberi ruang kepada vendor tempatan untuk mengembangkan perniagaan, menjana pendapatan dan terus berdaya saing dalam landskap perniagaan yang semakin dinamik.

Kempen Kebersihan pupuk semangat kerjasama komuniti

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Serasa

SERASA, Sabtu, 19 September. – Kempen Kebersihan dan menyiangi kawasan perkuburan Kampung Bukit Serasa telah diadakan baru-baru ini.

Turut hadir semasa Kempen Kebersihan berkenaan, Ketua Kampung Serasa, Awang Abdurrahman bin Haji Othman.

Kempen berkenaan memberi tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan dan menyiangi kawasan perkuburan, khususnya memotong pokok-pokok liar yang menghalang laluan menuju ke kawasan perkuburan di Kampung Bukit Serasa.

Selain memastikan kawasan perkuburan sentiasa bersih, teratur dan mudah dilalui, kegiatan

berkenaan turut menjadi wadah bagi mengeratkan silaturahim serta semangat kerjasama dalam kalangan anak buah kampung.

KEMPEN berkenaan memberi tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan dan menyiangi kawasan perkuburan, khususnya memotong pokok-pokok liar yang menghalang laluan menuju ke kawasan perkuburan di Kampung Bukit Serasa.






سورھنجاي ڦرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



سردار سري

منديديق دغن حكمة، ميمبيغ جنراسي هرموني دان براينواتيف

مانا كلا سباكاي مُرّي، كورو منجادي فنديديق يغ مبينا، ميمقين، منديديق جيو دان ميمتوق كشربادين فلاجرن. مُرّي بوكن هان مغاجر دغن كات-كات، تتافي منديديق ملائوي تلادن دان اخلاق يغ موليا. جوسزو، ساورغ مُرّي سنتياس برأوسها ملاهيركن انسان يغ سليمغ دري سكي اينتليكن، روحاني، يموسي دان جسماني.

جماعه يغ درحمي الله،

سام-سامله كيت بردعاء سموك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مَعُورِيَاكن كصيحتن، كتابهن، كصيرن، كرحمن دان كبركتن يغ برفتحغن كغد سلوروه وركا فنديديق دالم ملقسناكن امانه يغ موليا اين. يا الله، جاديكمله فارا كورو دان فنديديق كامى دالم كالغن همبا-همبا مو يغ اخلاص، يغ مندافت توفيق سرتا كجايدان. بركاتيله عمور دان سكللا اوسها مريك، دان جاديكمله مريك، فمبوكا فيتو فيتو كبايكن سرتا فتوتوف فيتو فيتو كجاهن، آمين يا رَبِّ العالمين.

واهاي اورغ-اورغ يغ برايمان! اقيل دكاتاكن كغد كامو: "لافتكمله ممقت دودوق دجليل-مجليل (اونتوق اورغ لاين)،" ملك لافتكمله، نسجاي الله ميري كلافتن اونتوق كامو. دان اقيل دكاتاكن: "برديريله،" هندقله كامو برديري، نسجاي الله منيغكيكن اورغ-اورغ يغ برايمان انتارا كامو دان اورغ-اورغ يغ ديري علمو فغتهوان اكام برفا درجت. دان الله مها تليتي ترهادف اف يغ كامو كرجاكن. {سورة المجادلة آية: ١١}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكتن كپمانن كغدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياه اورغ يغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

هاري اين كيت ميقسيكن دنيا بركمبغ دغن بكيو فنتس. فركمبغن تيكنولوجي سماكين ماجو، معلومت سماكين موده دجاغاي تنفا سمقادن دان كجردسن بوتان (AI) سماكين ممغاروهي قباكاي رواغ كهيدوفن مانسي. نامون، معلومت يغ سماكين بايق تيدق سمستين منمبهكن حكمة. فغتهوان يغ سماكين لواس تيدق سنتياس ديريغي كمتغن اداب. مك دالم سواسان اينله، مشاركت مملوكن كورو يغ بوكن سقدر ميمقاين علمو، تتافي توروب ميمبيغ جيو، دان ميمتوق انسان يغ برتقوى.

دالم اسلام، كدودوقن كورو امله موليا. كموليان ترسبوت بوكن كران جاوتن اتاو فغكت يغ دسندغ، تتافي كران مريك مپاموغ امانه فيمقاين علمو، ميمبيغن كغد كبرن دان فمبينان اخلاق موليا يغ دباوا اوليه فارا نبي دان رسول. ملائوي فرانن بسر اين، جلسله بهاوا كورو بوكن سقدر فيمقاين معلومت اتاو فغاجر ددالم كلس. كورو اياه فمبيغ جنراسي مودا، فمبتوق قريادي انسان دان فنجورق ماس دغن اومه.

جماعه يغ درحمي الله،

كورو ممقويي دوا فرانن اوتام، ياييت سباكاي مُعَلِّم دان مُرّي. مُعَلِّم اياه اورغ يغ مغاجر كن علمو، ميريكن كفهن دان مبوكا ميندا مانسي كغد كبرن. مك سباكاي مُعَلِّم، كورو برتكوغجواب مستيكن علمو يغ دسمقاين اداله بنر، برمنفعت دان ممقو ميمتوق جنراسي يغ برعلمو فغتهوان.

PLATFORM PMKS TEMPATAN KETENGAHKAN PRODUK KREATIF



IN:STALL Brewtopia : The Social Market kini kembali lagi pada tahun ini dengan mengumpulkan pelbagai lapisan masyarakat (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - IN:STALL Brewtopia : The Social Market kini kembali lagi pada tahun ini dengan mengumpulkan pelbagai lapisan masyarakat dan peminat gaya hidup tempatan dalam acara yang berlangsung selama empat hari bermula dari 17 hingga 20 September 2026.

Acara anjuran future.brands berkenaan bertempat di Sports Hub, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas. Ia menjadi platform utama

bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk mengetengahkan produk kreatif mereka kepada orang ramai.

Sejak hari pertama pembukaannya, suasana *market* berkenaan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para pengunjung.

Acara berkenaan menghimpunkan pelbagai keunikan di bawah satu bumbung, termasuklah jualan kopi premium, minuman *matcha*,

pastri segar, kraf tangan buatan tempatan, pakaian jalanan (*streetwear*) serta jualan barangan vintaj dan *thrift*.

Bagi memberikan peluang kepada orang ramai berkunjung, *market* berkenaan dibukakan bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 10.00 malam, kecuali pada Jumaat, operasi jualan bermula pada pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Orang ramai yang ingin memberikan sokongan kepada produk dan usahawan tempatan

adalah dialu-alukan untuk hadir berkenaan yang akan berakhir memeriahkan lagi acara pada Ahad.

Lelaki tempatan ditahan susulan beberapa kejadian gangguan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memaklumkan kepada orang ramai mengenai beberapa kejadian gangguan yang dilaporkan berlaku di beberapa buah restoran di kawasan perniagaan sekitar Gadong dan Kiulap serta sebuah tempat letak kereta di Gadong Properties baru-baru ini.

Sebanyak empat laporan polis telah diterima berhubung kejadian-kejadian berkenaan.

Susulan siasatan awal yang dijalankan, seorang lelaki tempatan berumur 40 tahun telah ditahan di kawasan berhampiran Pos Polis Kiulap bagi membantu siasatan. Suspek dipercayai individu yang dirakam melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV) di beberapa lokasi kejadian berkenaan. Suspek telah ditahan bagi siasatan lanjut dan akan diadapakan ke mahkamah.

PPDB menekankan kepentingan orang ramai untuk segera membuat laporan polis sekiranya mendapati harta benda mereka mengalami kerosakan atau berlaku



SEORANG lelaki tempatan berumur 40 tahun ditahan di kawasan berhampiran Pos Polis Kiulap bagi membantu siasatan (atas dan bawah).

sebarang kejadian yang mencurigakan.

Laporan awal dapat membantu pihak polis mengambil tindakan dengan segera serta memudahkan proses siasatan.

Kerjasama orang ramai dalam menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kepada pihak polis amat dihargai bagi membantu usaha bersama dalam memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.



62 pain darah berjaya dikumpulkan



SEBANYAK 62 pain darah berjaya dikumpul menerusi Kempen Derma Darah yang diadakan di Dewan Serbaguna Sungai Liang Industrial Park (SPARK), sebagai sokongan terhadap usaha yang memberi manfaat kepada komuniti (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Methanol Company Sdn. Bhd.

BELAIT, Sabtu, 19 September. - Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) baru-baru ini berjaya mengumpulkan sebanyak 62 pain darah menerusi Kempen Derma Darah tahunannya yang diadakan di Dewan Serbaguna Sungai Liang Industrial Park (SPARK), sebagai sokongan terhadap usaha yang memberi manfaat kepada komuniti.

Kempen berkenaan diadakan dengan kerjasama Tabung Darah, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan menghimpunkan warga SPARK serta orang ramai dalam usaha bersama untuk membantu para pesakit dan keluarga di seluruh Negara Brunei Darussalam yang mungkin memerlukan bekalan darah pada bila-bila masa.

Kebanyakan idea yang dibuat pada mulanya terpengaruh daripada rakan-rakan ibunya. Satu kumpulan WhatsApp ditubuhkan untuk kelas menjahit yang kemudiannya turut ada kelas laser dan kraf tangan. Pada masa yang sama ibu beliau selalu mengarahkannya untuk mencuba sesuatu idea yang ibunya dapat dari kumpulan WhatsApp rakan ibunya itu.

Untuk menjalankan perniagaan ini, beberapa keperluan yang digunakan adalah *plywood*, *acrylic*, kain dan sebagainya. Manakala mesin yang digunakan ialah seperti *printer*, *laser*, mesin jahit dan sebagainya. Kebanyakan barang keperluan kayu, *acrylic* dan kertas-kertas beliau membeli di negara sendiri. Jika tidak ada barulah di tempah dari luar negara dengan bantuan ayah dan ibu.

Antara produk yang dijual adalah cenderahati yang diperbuat daripada kayu iaitu plak kenang-kenangan, plak tahniah, jam diperbuat daripada kayu. Ada juga cenderahati *acrylic* seperti gambar bercetak, cenderahati dari kain iaitu membuat bantal dengan gambar yang dicetak, serta membuat kraf tangan lain seperti bunga telur, *bouquet*, membuat buku-buku, membuat beg pensel dan sebagainya.

Dalam menyiapkan tempahan, jika tiada kesibukan dengan tugas sekolah, setiap satu tempahan boleh disiapkan dalam satu

hingga dua hari.

Untuk tempahan sempena hari guru, produk-produk akan diubah setiap tahun. Beliau bersyukur kerana setiap jenis tempahan selalu laris dan habis. Sempena hadiah Hari Guru pada tahun 2026 ini, tempahan yang paling laris dan sambutan yang paling tinggi ialah tempahan jam bergambar, tabung wang kertas, dan buku kayu dengan cetakan gambar.

Menyentuh mengenai harga produk, beliau menawarkan dari harga BND1.00 hingga BND10.00 untuk tempahan hadiah hari guru.

Beliau bersyukur kerana sepanjang tiga tahun ini, produk beliau sentiasa mendapat tempahan dari para pelanggan terutama sempena Hari Guru dari pelanggan-pelanggan lama beliau.

Bagi memastikan tempahan dapat disiapkan mengikut *deadline*, beliau turut dibantu oleh ibu bapa dan adik-beradik beliau.

Ditanya mengenai cabaran menjalankan perniagaan semasa masih belajar, beliau menjelaskan sememangnya cabaran itu tetap ada namun dengan minatnya dalam kraf tangan ia dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ibu bapa dan adik beradik beliau banyak membantu dalam memudahkan segala urusan tempahan, yang mana lazimnya tempahan dibuat pada Hari Kelepasan Awam atau beliau sendiri membuat pada sebelah petang jika beliau tidak mempunyai kelas tambahan.

Perniagaan yang dijalankan di rumah ini diiklankan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan TikTok. Pembahagian tugas dibuat yang mana Facebook diiklankan oleh ibunya, Instagram diiklankan oleh ayahnya, manakala beliau sendiri akan membuat

iklan di TikTok.

Ditanya dari mana beliau belajar membuat produk-produk yang dijual, beliau menjelaskan ada yang dipelajari dari sekolah, belajar dari TikTok dan setelah itu idea ini dibincangkan bersama ayah dan ibu.

Sebagaimana lazimnya harapan usahawan, beliau juga berharap agar perniagaan ini sentiasa dapat dimajukan dan dikembangkan. Dalam pada itu beliau turut menasihatkan agar rakan-rakan sebaya sentiasa bersemangat untuk meneruskan cita-cita dan hobi.

Bagi mereka yang ingin melihat produk perniagaan beliau, boleh layari laman Facebook *Tolong Buat Studio*, Instagram *@tolongbuatstudio* dan TikTok *@TolongBuatStudio*.

Penutup

Dengan adanya semangat seorang pelajar dalam membuat perniagaan seperti ini sememangnya ia selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif dan berjiwa keusahawanan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Diharapkan dengan adanya kisah pelajar ini ia boleh menjadi inspirasi bahawa nilai menghargai guru boleh dizahirkan melalui usaha dan kreativiti, sambil memupuk nilai berdikari dan tanggungjawab sejak di bangku sekolah lagi. Sokongan kuat daripada keluarga iaitu ibu bapa dan adik beradik dapat menyokong semangat pelajar ini meneruskan kelangsungan perniagaan dan yang paling penting pembahagian masa sebagai pelajar dan usahawan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

EL NINO, CUACA EKSTREM ANCAM PENGELUARAN TEBU ASIA



PHNOM PENH, 19 Sept. - Gabungan fenomena El Niño dan cuaca ekstrem berkaitan perubahan iklim mengancam pengeluaran tebu di seluruh Asia, sekali gus meningkatkan risiko turun naik harga gula dunia menjelang musim perayaan utama.

Di beberapa kawasan utama penanaman tebu di Asia termasuk Republik India, Thailand, Republik Islam Pakistan dan Republik Filipina, kemarau berpanjangan, kekurangan bekalan air serta serangan perosak terus menjadi antara risiko utama kepada pengeluaran.

Republik India, pengeluar gula kedua terbesar dunia selepas Brazil, berdepan kemungkinan penyusutan pengeluaran apabila dua negeri pengeluar utama, Maharashtra dan Karnataka, mengalami kekurangan hujan yang serius sehingga dijangka menjejaskan penanaman tebu.

"Di India, kami menjangkakan kehilangan hasil tanaman tebu kira-kira lima peratus dari Oktober 2026 hingga September 2027.

"Pengeluaran gula dijangka sekitar 28 hingga 29 juta tan metrik pada 2026-27, tidak termasuk jumlah yang dialihkan untuk pengeluaran etanol, berbanding

30.6 juta tan metrik pada tahun sebelumnya," kata Ketua Penasihat All India Sugar Trade Association Gopal Krishan Sood kepada Bernama.

Beliau berkata gabungan El Niño dan perubahan iklim dijangka menjejaskan penanaman tebu utama di Republik India, dengan peningkatan suhu, kekurangan hujan, kemarau dan banjir sudah mula dirasai.

"Maharashtra dan Karnataka, secara bersama menyumbang kira-kira 50 peratus daripada pengeluaran gula negara, terjejas teruk akibat masalah berkaitan cuaca," katanya.

Bagaimanapun, Uttar Pradesh, satu lagi negeri pengeluar utama gula dijangka menghasilkan kira-kira 9.5 juta tan metrik gula, hanya sedikit lebih rendah berbanding unjuran 9.8 juta tan, berikutan bekalan hujan mencukupi dan sistem pengairan yang baik, kata Sood.

Republik India mempunyai kira-kira lima juta penanam tebu. Gula merupakan bahan utama dalam produk konfeksi, minuman dan makanan ringan, menjadikan permintaan bermusim sebagai faktor penting dalam pasaran.

Menjelang sambutan Diwali di

Republik India pada awal November, disusuli Krismas pada Disember, permintaan gula di pasaran antarabangsa dijangka meningkat. Sebarang lonjakan harga yang ketara pula berpotensi memberi kesan kepada pengguna.

Republik India menggunakan kira-kira 30 juta tan metrik gula setahun, sekali gus menjadikannya antara pasaran penggunaan gula terbesar dunia.

Thailand, pengeksport gula kedua terbesar dunia selepas Brazil, dijangka mencatat pengeluaran kurang daripada 10 juta tan metrik pada 2026-27, berbanding kira-kira 12 juta tan pada musim sebelumnya, susulan keadaan cuaca tidak menentu, menurut laporan media Thailand.

Di Republik Filipina, antara pengeluar utama gula di Asia Tenggara selepas Thailand, penanam tebu turut menjangkakan musim tuaian yang mencabar.

"El Niño bukan satu-satunya punca kepada jangkaan penurunan pengeluaran gula Filipina, tetapi ia boleh menjadi faktor yang memburukkan lagi masalah sedia ada.

"Industri kini berdepan kemungkinan El Niño yang sangat

kuat, selain kerosakan akibat serangga RSSI (*Red Striped Soft-Scale Insect*), pengurangan penggunaan input pertanian serta ramai penanam yang masih terjejas dari segi kewangan akibat musim tanaman sebelumnya," kata Presiden Philippines Confederation of Sugar Producers Associations Aurelio Gerardo J. Valderrama Jr. kepada Bernama.

Pentadbiran Kawal Selia Gula negara itu mengunjurkan pengeluaran sekitar 1.7 juta tan metrik. Valderrama berkata sekiranya kemarau teruk berlaku di wilayah Negros Occidental dan kawasan pengeluaran utama lain, jumlah pengeluaran boleh merosot di bawah anggaran awal.

Petani di Negros, yang menyumbang 63 peratus daripada pengeluaran gula negara itu berdepan risiko kesukaran ekonomi.

Menurut Valderrama, sebelum El Niño, pengeluar gula berdepan harga pasaran di peringkat kilang yang rendah, serangan perosak, kenaikan kos input dan tenaga buruh, kekurangan pekerja serta kecekapan kilang yang rendah, sekali gus menjejaskan minat untuk melabur dalam meningkatkan

produktiviti ladang.

Sementara itu, Pengerusi Pakistan Sugar Mills Association Chaudhry Zaka Ashraf berkata kesan El Niño tidak seragam kerana bergantung kepada beberapa faktor.

"Pakistan tidak seharusnya menganggap El Niño sahaja akan mengurangkan pengeluaran gula. Kesannya bergantung kepada kekuatan dan tempoh fenomena itu, ketersediaan air untuk pengairan, corak monsun, cuaca panas ketika fasa pertumbuhan tanaman serta keadaan menjelang penuaian. Pada tahun ini, pertumbuhan awal tanaman adalah baik tanpa kejadian banjir yang serius, sekali gus tidak menjejaskan kadar perolehan gula.

Namun, sedikit penurunan mungkin berlaku akibat pengurangan berat batang yang disebabkan gelombang haba El Niño, hama dan angin kering," katanya kepada Bernama. Republik Islam Pakistan setakat tahun ini menghasilkan kira-kira 7.7 juta tan gula, menurut persatuan berkenaan. - ©BERNAMA

Cuba alami gangguan bekalan elektrik seluruh negara di tengah krisis tenaga

ISTANBUL, 19 Sept. - Grid elektrik nasional Cuba terputus sepenuhnya pada Jumaat, menyebabkan seluruh negara bergelap ketika berdepan krisis tenaga, menurut Kesatuan Elektrik Cuba (UNE), lapor Anadolu Ajansi.

"Sistem Elektrik Nasional mengalami gangguan sepenuhnya. Protokol pemulihan kini sedang diaktifkan," menurut UNE menerusi platform media sosial X.

Syarikat utiliti itu memaklumkan siasatan segera sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca gangguan dan perkembangan mengenai usaha memulihkan sistem akan terus dikemas kini.

Gangguan berkenaan merupakan yang terbaharu dalam siri kegagalan bekalan elektrik di seluruh Cuba tahun ini ketika infrastruktur tenaga

negara itu yang semakin usang berdepan kekurangan bahan api dan kapasiti penjanaan yang terhad.

Cuba mengalami beberapa gangguan bekalan elektrik di seluruh negara pada Julai, selain satu lagi gangguan besar pada 2 Ogos, menurut pihak berkuasa dan laporan media antarabangsa.

Gangguan pada Jumaat merupakan kejadian terbaharu yang menyaksikan grid elektrik nasional negara itu lumpuh sepenuhnya.

Ia berlaku selepas kekurangan bekalan elektrik berpanjangan di Havana dan beberapa kawasan lain, dengan sesetengah bahagian ibu negara dilaporkan mengalami gangguan melebihi 30 jam sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Sistem tenaga Cuba terjejas akibat keadaan loji janakuasa terma yang semakin merosot,

kekurangan bahan api serta kesukaran mengekalkan kapasiti penjanaan elektrik.

Kementerian Tenaga dan Galian sebelum ini mengaitkan gangguan bekalan elektrik dengan gabungan faktor infrastruktur yang semakin usang, kekurangan bahan api dan masalah dalam sistem penjanaan elektrik.

Sumber tenaga boleh baharu membantu menambah kapasiti penjanaan, namun loji janakuasa terma masih menjadi komponen utama sistem bekalan elektrik Cuba.

Kerajaan Cuba menyalahkan langkah dan sekatan Amerika Syarikat (AS) yang menjejaskan bekalan bahan api sebagai faktor yang memburukkan krisis tenaga, manakala Washington pula mengaitkan masalah ekonomi dan infrastruktur negara itu dengan dasar kerajaan Cuba. - ©BERNAMA

Arab Saudi keluarkan amaran kecemasan di 7 kawasan susulan ancaman tidak dinyatakan

ISTANBUL, 19 Sept. - Pihak berkuasa pertahanan awam Arab Saudi pada Jumaat mengeluarkan amaran kecemasan di tujuh kawasan, memberi peringatan kepada penduduk mengenai ancaman yang tidak dinyatakan serta menggesa mereka mematuhi arahan yang disampaikan menerusi platform amaran awal kebangsaan.

Menurut Anadolu Ajansi yang memetik hantaran berasingan pertahanan awam di X, amaran itu dikeluarkan di Jeddah, Taif, Yanbu, AlUla, Khamis Mushait, Jazan dan Abha.

Pihak berkuasa tidak memperincikan bentuk ancaman yang mencetuskan amaran berkenaan, selain tidak melaporkan sebarang kematian atau kerosakan.

Pihak berkuasa pertahanan awam kemudian memaklumkan bahawa ancaman itu telah berakhir di kesemua lima wilayah berkenaan.

Amaran itu dikeluarkan sehari selepas pihak berkuasa Saudi mendakwa seorang terbunuh manakala dua lagi cedera akibat serpihan sebuah dron Houthi yang dipintas di ruang udara wilayah Taif di bahagian barat negara itu.

Pihak berkuasa Saudi turut mengeluarkan amaran serupa sejak beberapa hari kebelakangan ini di beberapa kawasan termasuk Abha dan Khamis Mushait, sebelum kemudiannya mengumumkan bahawa ancaman telah berakhir.

Pada 20 Julai, kumpulan Houthi Yaman mengumumkan apa yang disifatkannya sebagai 'sekatan maritim' ke atas Arab Saudi sebelum kemudiannya mendakwa melancarkan serangan peluru berpandu dan dron terhadap kapal serta lokasi milik Saudi. - ©BERNAMA

Greenland, Denmark, AS dijangka meterai perjanjian keselamatan artik minggu depan

HAMILTON (KANADA), 19 Sept. - Greenland, Denmark dan Amerika Syarikat (AS) dijangka menandatangani perjanjian minggu depan bagi memperkukuh keselamatan di rantau Artik dan Atlantik Utara, lapor Anadolu Ajansi memetik Pejabat Perdana Menteri Denmark pada Jumaat.

Menurut kenyataan dari Copenhagen, ketiga-tiga kerajaan dijangka memeterai perjanjian itu di luar sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selepas ditandatangani, perjanjian berkenaan perlu melalui prosedur Parlimen yang berkaitan sebelum berkuat kuasa.

Pengerusi Kerajaan Greenland Jens-Frederik Nielsen berkata perkembangan itu menggalakkan kerana pihak terlibat kini hampir memuktamadkan perjanjian yang dapat melindungi dan memperkukuh keselamatan Greenland, Kerajaan Denmark, AS serta pakatan Barat.

Beliau berkata perjanjian itu turut mengiktiraf kepentingan Greenland dan kedudukannya dalam kerjasama antarabangsa, sambil menyifatkannya sebagai sesuatu yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Perdana Menteri Denmark Mette Frederiksen pula berkata beliau gembira dengan prospek tercapainya satu perjanjian baik bagi ketiga-tiga pihak, yang menurutnya akan memperkukuh keselamatan bersama di rantau itu serta memberi manfaat kepada Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dan Eropah.

Beliau berkata perjanjian itu juga mengiktiraf kedaulatan dan keutuhan wilayah Kerajaan Denmark serta hak rakyat Greenland untuk menentukan nasib sendiri. - ©BERNAMA

Bank Dunia sedia sokong program hutan tanaman Zambia

LUSAKA (Zambia), 19 Sept. - Bank Dunia bersedia menyokong program hutan tanaman Zambia bagi memperkukuh sektor perhutanan negara itu, menurut Kementerian Ekonomi Hijau dan Alam Sekitar, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan kementerian, perkara itu menyusuli pertemuan di Lusaka pada Khamis antara Menteri Gilbert Siame dan delegasi Bank Dunia yang diketuai Ambroise Brenier.

Brenier berkata Bank Dunia bersedia memulakan persediaan bagi program Lobito Plantation Forest Economy bernilai US\$102

juta sebaik menerima permohonan rasmi daripada kerajaan Zambia.

Program yang dicadangkan itu antara lain bertujuan mewujudkan dasar dan persekitaran institusi yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan swasta dalam sektor hutan tanaman.

Ia juga akan membantu menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan awam yang diperlukan untuk membangunkan rangkaian nilai industri perikanan.

Program berkenaan berpotensi menggabungkan pembiayaan awam dan swasta menerusi Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA), Perbadanan

Kewangan Antarabangsa (IFC) dan Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA).

Siame berterima kasih kepada Bank Dunia atas sokongan berterusan dan berkata program itu berpotensi menarik pelaburan swasta, menjana hasil kepada perbendaharaan negara serta mewujudkan peluang pekerjaan di sepanjang rangkaian nilai sektor perhutanan.

Beliau berkata Zambia mempunyai keadaan ekologi yang sesuai untuk pembangunan hutan tanaman secara komersial, selain permintaan yang semakin meningkat terhadap produk kayu. - ©BERNAMA

KEJOHANAN BADMINTON SEMARAKKAN JUBLI PLATINUM PENDIDIKAN UGAMA FORMAL

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan yang telah menang (bawah dan atas).



RIMBA, Ahad, 20 September. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Kejohanan Badminton sempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di

Dewan Serbaguna, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, petang tadi. Kejohanan berkenaan diadakan antara lain bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan

Ugama Formal, di samping menggalakkan penglibatan warga KHEU dan institusi-institusi pengajian tinggi dalam aktiviti riadah dan sukan. Penganjuran kejohanan ini juga selaras dengan tema sambutan, iaitu 'Ukhuwah Kuku, Pendidikan Teguh', antara lain menekankan kepentingan mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kerjasama serta menyemai nilai kesukanan dalam kalangan para peserta.

Kejohanan berkenaan merupakan antara aktiviti sukan yang dianjurkan bagi menyemarakkan lagi sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, di samping kejohanan futsal, bola jaring dan *tenpin* boling. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya. Kejohanan Badminton berkenaan bermula pada 11 September 2026 dan disertai oleh warga KHEU serta institusi-institusi pengajian tinggi.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu Kategori Beregu Lelaki Terbuka dengan penyertaan 20 pasukan, Kategori Beregu Perempuan Terbuka dengan 11 pasukan, Kategori Beregu Lelaki Veteran dengan 11 pasukan dan Kategori Beregu Perempuan dengan enam pasukan. Peringkat separuh akhir bagi kesemua kategori serta beberapa perlawanan akhir telah diadakan pada sebelah pagi, manakala perlawanan akhir Kategori Beregu Lelaki Terbuka

diadakan pada sebelah petang, penyampaian hadiah kepada sebelum disusuli dengan majlis para pemenang.

Pasukan Lamunin juara Kejohanan Futsal Terbuka

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 20 September. - Pasukan Lamunin muncul juara Kejohanan Futsal Terbuka bagi Daerah Tutong, Piala Rebutan Penghulu Mukim Keriam setelah menewaskan Pasukan Kiudang Warrior 'B' yang terpaksa akur di tempat kedua. Manakala tempat ketiga dimenangi bersama olah Pasukan Rambai III dan Jabatan Penjara.

Sementara itu, Penjaring Terbanyak diraih oleh Awang Mohd. Aqmal Kafau daripada Pasukan Lamunin; Penjaga Gol Terbaik, Abang Fakri bin Abang Haji Jainuddin daripada Pasukan Lamunin dan Pemain Terbaik disandang oleh Muhammad Ali Saizulfahli bin Ariffin daripada Pasukan Lamunin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri pada acara yang berlangsung di Padang Futsal Sekolah Rendah Keriam, hari ini.

Antara lain tujuan kejohanan anjuran Majlis Perundingan Mukim Keriam itu diadakan untuk meningkatkan mutu sukan futsal dalam semua peringkat umur termasuk belia-belia yang bermastautin di Daerah Tutong.

Di samping itu, ia juga bagi mencungkil bakat dan potensi dalam kalangan belia dan penduduk-penduduk di keempat-empat daerah untuk diserapkan ke dalam kejohanan-kejohanan futsal yang akan datang.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada acara berkenaan.

SM SMJA (A) juara Kejohanan Akhir Liga Futsal

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Sabtu, 19 September. - Pasukan SM SMJA (A) menjuarai Kejohanan Akhir Liga Futsal setelah berjaya menewaskan Pasukan Maktab SOAS dengan kedudukan 1 - 0, sekali gus menempatkan Pasukan Maktab SOAS sebagai naib juara, sementara tempat ketiga bersama masing-masing milik SM Rimba 2 dan SM Menglait.

Kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, petang tadi, di sini, adalah

bersempena dengan Sambutan Jubli Intan 75 Tahun penubuhan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) yang ditubuhkan pada 1951.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi.

Kejohanan berkenaan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim

antara warga sekolah menengah, di samping memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan, disiplin dan persaingan sihat dalam kalangan para pelajar.

Selain pasukan tuan rumah, sebanyak lapan buah sekolah menengah turut menyertai kejohanan berkenaan yang diadakan pada 14 dan 16 September 2026, iaitu SM Rimba I, SM Rimba II, SM Sultan Sharif Ali, Maktab SOAS, SM Sayyidina Abu Bakar, St. Andrew's School, SM Berakas dan SM Menglait.

Penyertaan sekolah-sekolah berkenaan mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama antara institusi pendidikan dalam menjayakan aktiviti kokurikulum, khususnya dalam bidang sukan.

Kejohanan berkenaan juga menjadi platform bagi para pelajar untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran dalam sukan futsal, sekali gus memberikan pengalaman berharga dalam suasana pertandingan yang kompetitif serta menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat.

Perlawanan yang telah berlangsung pada 14 dan 16 September 2026 berkenaan menyaksikan penyertaan pasukan-pasukan sekolah yang bersaing untuk merebut tempat ke peringkat akhir. Kemuncak



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, antara aksi perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

kejohanan berlangsung pada hari ini, bagi menentukan pasukan yang dinobatkan sebagai juara Kejohanan Liga Futsal Jubli Intan SM SMJA 2026.

Melalui penganjuran kejohanan berkenaan, SM SMJA berharap agar hubungan erat antara sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dapat terus diperkukuh, di samping menyemarakkan lagi Sambutan Jubli Intan 75 Tahun

sekolah tersebut.

Sambutan bersejarah berkenaan bukan sahaja menjadi wadah untuk mengenang perjalanan dan pencapaian SM SMJA sepanjang 75 tahun penubuhannya, malah turut mencerminkan komitmen berterusan sekolah dalam melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi akademik, sahsiah dan kokurikulum.

USAHA MEMARTABATKAN PENCAK SILAT SEBAGAI WARISAN BUDAYA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



BERAKAS, Sabtu, 19 September. - Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 melabuhkan tirai malam tadi selepas berlangsung selama enam hari, dari 14 hingga 19 September 2026, di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat ke Majlis Penutupan Rasmi kejohanan berkenaan selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Majlis dimulakan dengan upacara perarakan dan penyarungan keris, diikuti dengan

perlawanan-perlawanan peringkat akhir bagi acara yang dipertandingkan.

Seramai 147 peserta mewakili tujuh kontinjen menyertai kejohanan berkenaan, iaitu Daerah Brunei dan Muara (DBM), Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD).

Para peserta berentap dalam lima acara, iaitu Cakak Asli Brunei, Kuntau Melayu, Tanding, Seni Antarabangsa dan Seni Festival.

Pada peringkat akhir, para pesilat daripada kontinjen yang mengambil bahagian berentap bagi merebut gelaran juara dalam kategori masing-masing antaranya Kategori Seni Cakak Asli Brunei, Kategori Kuntau Melayu Lelaki Dewasa, Kategori Tanding Putra Remaja Lelaki, Kategori Tanding Putra Dewasa Lelaki dan Kategori Seni Festival Berkelompok.

Bagi acara Kategori Cakak Asli Brunei, tempat pertama dimenangi oleh Awang Muhammad Akmal Shafiq bin Mohamad Sairual Rizal dari Daerah Temburong, diikuti 53286 SLD Juzaili bin Abdullah dari MS ABDB di tempat kedua, manakala tempat ketiga dimenangi bersama oleh Awang Arif bin Yahya @Johari dari Daerah Belait dan Awang Md. Firas Naim bin Md. Syamsuddin dari MS SSBD.

Bagi Kategori Kuntau Melayu, Awang Muhammad Nizamuddin bin Fairulman dari Daerah Belait muncul juara, diikuti PC 6315 Mohammad Zulfaizal bin Zanidi dari MS PPDB di tempat kedua, manakala tempat ketiga dimenangi bersama oleh 55791 SLD Mohammad Hazim bin Ramliee dari MS ABDB dan Awang Mohamad Hawwari bin Mohamad Masuni dari DBM.

Dalam Kategori Tanding Putra Remaja Kelas 'C', Awang Md. Asyraf Syafiee bin Norazrin dari MS SSBD muncul juara, manakala Awang Muhammad Syafiy Nasrullah bin L Menga dari Daerah Belait di tempat kedua, sementara tempat ketiga dimenangi bersama oleh Awang Muhd. Hazmi Akmal bin Md. Iman Safwan dari Daerah Tutong dan Awang Muhammad Wazien bin Rosman dari DBM.

Sementara itu bagi Kategori Tanding Putra Dewasa Kelas 'C', Awang Yaswanthaoah bin Yalim dari Daerah Tutong meraih tempat pertama, diikuti 55796 SLD Awangku Md. Nabil Mirza bin Pengiran Md. Fazillah di tempat kedua, manakala Awang Md. Firdaus bin Muhidi dari DBM pula menduduki tempat ketiga.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Seni Cakak Asli Brunei dan Kuntau Melayu yang mengetengahkan elemen warisan seni bela diri tradisional Brunei.

Persembahan berkenaan



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz berangkat ke Majlis Penutupan Rasmi kejohanan berkenaan (atas), manakala gambar kiri, perlawanan-perlawanan peringkat akhir bagi acara yang dipertandingkan.

mencerminkan usaha berterusan dalam memartabatkan seni bela diri tradisional sebagai sebahagian daripada warisan dan identiti budaya Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kemuncak majlis diteruskan dengan penyampaian Perisai Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kurnia Irian kepada para penerima.

Penganjuran kejohanan berkenaan bukan sahaja menjadi medan bagi para pesilat untuk menguji dan memperlihatkan kemahiran serta keupayaan masing-masing di peringkat kebangsaan, malah turut menyumbang kepada usaha memartabatkan pencak silat sebagai salah satu warisan budaya dan sukan yang mempunyai nilai tradisi serta identiti tersendiri di negara ini.

Kejohanan berkenaan turut

menjadi platform bagi memperkukuh semangat kesukanan, disiplin, perpaduan dan persahabatan dalam kalangan pesilat serta pegawai daripada tujuh kontinjen yang mengambil bahagian.

Dengan berakhirnya kejohanan, para peserta turut memperoleh pengalaman dan pendedahan melalui pertandingan di peringkat kebangsaan, di samping berpeluang mempertingkatkan prestasi serta terus mengembangkan bakat dan potensi dalam bidang pencak silat.

Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80, Tahun 2026 berakhir dengan harapan agar penganjuran seumpamanya akan terus menyumbang kepada perkembangan, memperkasa dan pemeliharaan seni pencak silat di NBD.

Kejohanan Futsal sempena Jubli Platinum Pelita Brunei

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan piala dan bergambar ramai bersama Pasukan Jabatan Hal Ehwal Masjid yang muncul juara Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal (atas kiri dan atas), manakala gambar bawah kiri, antara aksi perlawanan akhir berkenaan.

BERAKAS, Ahad, 20 September. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Bahagian Pelita Brunei mengadakan Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal sempena Sambutan Jubli Platinum Pelita Brunei Ke-70 Tahun di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin. Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Pada perlawanan akhir tersebut, Pasukan Jabatan Hal

Ehwal Masjid muncul juara selepas menewaskan Pasukan Radio Televisyen Brunei dengan jaringan 3 - 0.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang tempat pertama, tempat kedua dan tempat ketiga bersama yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Kejohanan futsal ini disertai oleh sembilan pasukan dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' terdiri daripada Pasukan Info 'A', Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Adat Istiadat Negara, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Print Plus Sdn. Bhd.

Manakala Kumpulan 'B' terdiri daripada Pasukan Info 'B', Radio Televisyen Brunei, Pusat Da'wah

Islamiah dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peringkat kumpulan kejohanan futsal ini telah diadakan pada Ahad, 13 September 2026 yang menyaksikan dua pasukan daripada setiap kumpulan mara ke peringkat separuh akhir.

Adapun tujuan diadakan untuk memeriahkan lagi Sambutan Jubli Platinum Akhbar Pelita Brunei Ke-70 Tahun dan sebagai salah satu aktiviti riadah dan pengukuhan silaturahim antara rakan strategik Pelita Brunei dan media swasta.

Di samping itu, kejohanan ini adalah untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan, kerjasama berpasukan dan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan yang sihat dan kompetitif.



SUKAN ASIA KE-20 : BASMA LACHKAR RAIH PINGAT GANGSA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan pingat kepada atlet wusyu negara, Dayang Basma Lachkar, setelah berjaya meraih pingat Gangsa dalam acara Combined Event Taijiquan dan Taijijian pada Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 (kiri sekali dan kiri).

Republik Indonesia dengan keputusan 1 - 2, dalam satu perlawanan yang berlangsung sengit dan berdaya saing.

Pencapaian atlet-atlet negara yang bertanding pada hari ini mencerminkan komitmen dan semangat juang tinggi kontinjen Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi persaingan di Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.

Dalam acara sukan lain, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan mengurniakan maskot bagi acara Teqball Beregu Lelaki, sementara penyampai pingat adalah ahli International Olympic Committee.

Acara tersebut menyaksikan Thailand meraih pingat Emas, Lebanon pingat Perak, manakala pingat Gangsa dimenangi oleh pasukan Iraq dan Kuwait.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026

NAGOYA, JEPUN, Ahad, 20 September. - Atlet wusyu negara, Dayang Basma Lachkar, sekali lagi menunjukkan prestasi yang konsisten di pentas Sukan Asia apabila berjaya meraih pingat Gangsa dalam acara Combined Event Taijiquan dan Taijijian pada Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.

Pada Sukan Asia Hangzhou 2022, Dayang Basma telah meraih pingat perak dalam acara yang sama. Pencapaian gangsa pada tahun ini meneruskan prestasi konsistennya di peringkat Asia.

Pada pertandingan yang berlangsung di Aichi Prefectural Martial Arts Hall itu, pingat

emas menjadi milik Xin Tong dari Republik Rakyat China dengan catatan skor keseluruhan 19.553, manakala Shiho Saito merekodkan 19.473 untuk meraih pingat perak bagi negara tuan rumah.

Dayang Basma berkongsi jumlah mata yang sama dengan atlet Republik Singapura, Zeanne Zhi Ning Law setelah memperoleh skor keseluruhan 19.443 bagi kedudukan Gangsa.

Pertandingan berlangsung sengit dengan kesemua atlet memberikan persembahan terbaik masing-masing.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengurniakan pingat kepada para pemenang.

Sementara itu, dalam acara Lelaki Changquan, atlet negara Awang Walid Lachkar telah memberikan persembahan terbaik beliau. Walau bagaimanapun, sedikit kesilapan dalam persembahannya telah menjejaskan markah keseluruhan. Awang Walid menamatkan saingan di tempat ke-14 daripada 21 peserta.

Dalam acara karate Kumite Lelaki, Ak. Mohd. Munib Aiman pula tewas tipis kepada

Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Ke-20

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026

NAGOYA, JEPUN, Sabtu, 19 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 (20th Asian

Games Aichi-Nagoya 2026) yang berlangsung pada hari ini di Nagoya, Jepun.

Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 pada kali ini disertai sebanyak 45 negara anggota Olympic Council of Asia (OCA) dan buat julung kalinya, OCA Refugee Team turut mengambil bahagian dalam temasya berkenaan.

Majlis dimulakan dengan ucapan Governor Aichi, diikuti ucapan Presiden OCA, sebelum Maharaja Jepun, Naruhito merasmikan pembukaan rasmi

temasya.

Acara diteruskan dengan perbarisan masuk kontinjen dan bendera negara peserta, diikuti kemasukan bendera OCA serta upacara menaikkan bendera OCA.

Majlis turut diserikan lagi dengan lafaz ikrar atlet dan pegawai teknikal, serta persembahan kebudayaan Jepun yang mengetengahkan warisan dan identiti negara tuan rumah.

Kemuncak majlis ialah kemasukan obor Sukan Asia dan penyalaan kawah, menandakan bermulanya secara rasmi Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.



KONTINJEN negara yang ikut perbarisan masuk di Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 di Nagoya, Jepun baru-baru ini.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA